

**SOALAN NO. 2 (MQT)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN (MQT)**

**DARIPADA : YB TUAN KELVIN YII LEE WUEN  
( BANDAR KUCHING )**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN KELVIN YII LEE WUEN** minta **YB MENTERI PENGANGKUTAN** tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal jumlah penerbangan dan harga tiket kapal terbang ke Sabah & Sarawak yang telah melambung tinggi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penetapan tambang dan kekerapan penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Syarikat-syarikat penerbangan diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian, kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran melalui kaedah dinamik. Di samping itu, syarikat penerbangan juga mempraktikkan konsep *cross-subsidisation* dalam penetapan harga tambang.

Sekatan perjalanan antara negeri yang dikuatkuasakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sebelum ini dan berterusan di bawah tempoh Pelan Pemulihan Negara telah memberi impak besar kepada jumlah trafik penumpang udara domestik yang secara langsung telah menjaskan kemampuan syarikat penerbangan untuk mempraktikkan konsep *cross-subsidisation* dalam penetapan harga tambang.

Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh MAVCOM pada 27 Oktober 2021 bagi tarikh penerbangan antara 2 hingga 8 November 2021, MAVCOM mendapati kebanyakan penerbangan di antara Semenanjung dan Sarawak merekodkan harga tiket yang tinggi iaitu di antara 1 sehingga 6 kali ganda lebih mahal berbanding harga tiket pada tahun 2019.

Bagi laluan Semenanjung ke Sabah pula, berdasarkan pemantauan yang sama bagi tempoh di antara 4 sehingga 10 November 2021, MAVCOM mendapati harga tiket yang lebih rendah di antara 30% hingga 62% direkodkan berbanding harga tiket pada tahun 2019.

Harga tiket penerbangan yang tinggi ini antara lain merupakan kesan daripada pelaksanaan had kapasiti penerbangan oleh Kerajaan Negeri sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk membendung penularan wabak COVID-19. Pada ketika ini, kekerapan penerbangan ke Sarawak telah berkurangan sebanyak 86% berbanding

## **SOALAN NO. 2 (MQT)**

dengan tempoh sebelum wabak COVID-19. Manakala, bagi penerbangan di antara Semenanjung dan Sabah, kekerapan penerbangan telah berkurangan sebanyak 49% berbanding semasa tempoh sebelum wabak COVID-19.

Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri pada 24 September 2021 telah bersetuju untuk membenarkan peningkatan kekerapan penerbangan bagi mana-mana laluan di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak daripada 22 penerbangan seminggu kepada 87 penerbangan seminggu. Pada masa yang sama, syarikat penerbangan dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan tanpa had kapasiti penumpang. Peningkatan kekerapan dan kelonggaran had kapasiti ini telah berkuat kuasa mulai 8 Oktober 2021. Dengan kebenaran ini, kekerapan perkhidmatan penerbangan ke Sarawak telah meningkat sehingga 50 penerbangan seminggu mulai 8 Oktober 2021 yang lalu.

Selanjutnya, Kerajaan Negeri Sarawak pada 25 Oktober 2021 telah bersetuju untuk membenarkan peningkatan kekerapan penerbangan ke Sarawak daripada 89 penerbangan seminggu kepada 223 penerbangan seminggu, tanpa had kapasiti penumpang, berkuatkuasa mulai 1 November 2021. Kebenaran ini dijangka akan membolehkan pihak syarikat penerbangan meningkatkan kekerapan operasi penerbangan dan menawarkan harga tiket yang lebih rendah.

Harga tiket penerbangan bagi laluan ke negeri Sabah dan Sarawak dijangka akan kembali ke paras purata apabila jumlah kekerapan penerbangan beroperasi seperti biasa. Pada waktu ini, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak wajar mempertimbangkan untuk mempermudahkan protokol kesihatan bagi kemasukan penumpang ke Sabah dan Sarawak. Perkara ini perlu disokong oleh peningkatan keyakinan penumpang untuk terbang di fasa endemik.